

57

NO SOALAN :30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.11.2017

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan keadaan kewangan MAS belum pulih sepenuhnya dan pada 1 Jun 2015, MAS telah memberhentikan 6000 pekerjaanya, maka apakah kewajaran Perdana Menteri memberi komitmen kepada Presiden Amerika Syarikat bagi membeli kapal terbang baru dan menyewakannya kepada MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan rasmi Yang

Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri bersama delegasi Malaysia ke Amerika Syarikat pada 11 hingga 13 September 2017 telah membuka peluang kepada Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan The Boeing Company (Boeing) untuk memperkukuhkan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak. Keputusan untuk membeli pesawat tambahan adalah selaras dengan keperluan dan pertumbuhan pesat MAB selaras dengan Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014. Pemberhentian 6000 orang pekerja Malaysian Airline System Berhad (MAS) adalah sebahagian daripada program di bawah PPM bagi menyesuaikan saiz tenaga kerja dengan keperluan MAB yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian bagi pembelian pesawat baharu yang ditandatangani oleh MAB di Amerika Syarikat dengan pihak Boeing ini merupakan *non-binding Memorandum of Understanding (MOU)* dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang keputusan pembelian pesawat dibuat oleh syarikat.